Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Subjek kewangan, keusahawanan di sekolah mampu majukan ekonomi negara

Oleh Saadiah Ismail - Oktober 31, 2023 @ 3:31pm
saadiah_ismail@bh.com.my



Penambahan subjek kewangan dan keusahawanan di peringkat sekolah menengah disifatkan satu usaha penting bagi membekalkan pelajar dengan pengetahuan serta kemahiran relevan. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Penambahan subjek kewangan dan keusahawanan di peringkat sekolah menengah disifatkan satu usaha penting bagi membekalkan pelajar dengan pengetahuan serta kemahiran relevan dalam menghadapi cabaran ekonomi masa depan.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Muhd Fazreen Ismadi, berkata ia juga berupaya merangsang minat pelajar dalam bidang ini, sekali gus membantu mereka memahami aspek-aspek penting dalam pengurusan kewangan dan keusahawanan.

"Ia tidak hanya akan memupuk kemahiran praktikal, tetapi juga mempromosikan pemikiran kreatif, inovasi, dan usaha dalam kalangan generasi muda.

"Kami yakin bahawa melalui kerjasama antara pihak-pihak berkaitan, Malaysia dapat mencapai matlamat untuk melahirkan individu yang lebih berkemahiran dan berdaya maju dalam bidang kewangan dan keusahawanan," katanya dalam satu

kenyataan media, di sini, hari ini.

Ahad lalu, BH melaporkan Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan, menyarankan subjek baharu yang mengkhusus kepada keusahawanan dan kewangan diperkenalkan di sekolah menengah sebagai langkah mendidik generasi muda celik menguruskan kewangan mereka.

Ini memandangkan, ketika ini tiada subjek khusus mengenai keusahawanan dan kewangan diajar di sekolah menengah menyebabkan golongan muda negara tidak terdedah terhadap aspek menguruskan kewangan mereka dengan berkesan.

Muhd Fazreen berkata, penekanan kepada usaha itu juga dapat melahirkan pelajar yang boleh berperanan penting dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Ini kerana berdasarkan fakta saja, lebih 30,000 belia bawah 35 tahun didaftarkan bankrap berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia dan ini perkara yang membimbangkan.

"Jadi kami percaya, pendidikan dalam bidang ini akan memberi peluang lebih besar kepada generasi muda untuk menjadi individu yang berpengetahuan, berdaya maju, dan berpotensi membantu memajukan ekonomi negara.

"Dengan pemahaman yang lebih mendalam mengenai pengurusan kewangan dan keusahawanan, generasi muda akan dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi melalui penciptaan peluang pekerjaan, pertumbuhan perniagaan dan peningkatan daya saing negara di peringkat global,"katanya.

Justeru beliau berkata, diharap usaha ini akan diterima dengan baik oleh masyarakat dan berjaya dilaksanakan untuk manfaat bersama.

"Ini kerana kita sedang membentuk generasi pelajar yang lebih matang secara kewangan dan bersedia menghadapi cabaran masa depan, termasuk ketidakstabilan ekonomi dan perubahan global.

"Kami juga mengharapkan kerjasama erat antara GPMS, Kementerian Kewangan dan institusi pendidikan untuk melaksanakan program-program pendidikan yang berkaitan dengan subjek ini, menyediakan peluang pembelajaran yang berkualiti, dan memastikan sumber daya yang mencukupi,"katanya.